



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 38/2012 (16 hingga 22 September 2012)

Pada minggu ke 38, iaitu dari 16 hingga 22 September 2012, sejumlah 344 kes telah dilaporkan, meningkat sebanyak 6 kes berbanding 338 kes pada minggu sebelumnya (*Lampiran A*). Sebanyak sepuluh (10) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Pulau Pinang sebanyak 9 kes (225%), Johor 9 kes (38%), Kedah 8 kes (80%), Negeri Sembilan 7 kes (100%), Perak 5 kes (11%), Sarawak 3 kes (10%), masing-masing 2 kes di Perlis (200%), Melaka (50%) dan Sabah (20%) manakala WP Kuala Lumpur & Putrajaya meningkat sebanyak 1 kes (4%). Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Demam Denggi yang dilaporkan dari Januari sehingga 22 September 2012 adalah 15,950 kes berbanding 14,396 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011, peningkatan sebanyak 11% (1,554 kes) manakala kumulatif kes kematian kekal sebanyak 27 kes seperti minggu sebelumnya.

Hasil pemantauan pihak KKM mendapati peningkatan tren kejadian Demam Denggi berlaku di tiga (3) negeri iaitu Sabah, Sarawak dan Perak sejak beberapa minggu lalu.

Sehingga minggu ke 38, sejumlah 43 lokaliti wabak yang masih aktif dilaporkan di tujuh (7) negeri melibatkan 21 daerah iaitu Selangor (11), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (9), Sarawak (9), Perak (6), Johor (5), Kedah (2) dan Kelantan (1).

Memandangkan negara kita sedang mengalami musim hujan yang tidak menentu, akan terdapat bekas-bekas terdedah yang boleh menakung air dan menjadi tempat nyamuk *Aedes* bertelur. Hanya dalam tempoh seminggu sahaja telur nyamuk menetas menjadi nyamuk dewasa yang boleh menyebarkan virus Denggi. Pesakit yang telah dijangkiti Demam Denggi boleh mengalami komplikasi penyakit ini, seawal tempoh 3 hari selepas dijangkiti. Komplikasi demam Denggi yang selalu berlaku seperti Demam Denggi Berdarah atau *Dengue Shock Syndrome*, boleh menyebabkan kematian.

Kementerian Kesihatan memandang serius tren peningkatan kes Denggi dan memohon kerjasama semua pihak samada agensi kerajaan, swasta mahupun Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk berganding bahu membanteras gejala Demam Denggi. Masyarakat dan semua agensi diseru melaksanakan aktiviti memeriksa kawasan persekitaran mereka setiap minggu dan membersihkan tempat-tempat pembiakan *Aedes*. Jawatankuasa penduduk setempat diminta mengadakan aktiviti gotong-royong, sekiranya terdapat kawasan persekitaran mereka yang kotor dan menjadi tempat pembiakan *Aedes*. Semua agensi yang terlibat dalam Jawatankuasa Wabak Denggi Peringkat Daerah pula perlu memberi kerjasama yang padu jika tindakan pihak mereka diperlukan bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kawalan dan pencegahan Denggi.

Langkah pencegahan seperti membersihkan kawasan kediaman daripada tempat pembiakan nyamuk adalah mudah boleh dilakukan oleh semua peringkat lapisan masyarakat, kos efektif dan dapat menyelamatkan banyak nyawa termasuklah orang yang kita sayangi. Kerjasama dari semua pihak amat diharapkan bagi memastikan semua kawasan bebas daripada nyamuk Aedes. **Hapuskan Aedes Tanggungjawab Bersama.**

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

29 September 2012

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 38/2012
(16 hingga 22 September 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 38/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 38/2011
		Minggu 38 (16 - 22 September 2012)	Minggu 37 (9 - 15 September 2012)		
1	Perlis	2	0	136	80
2	Kedah	18	10	638 (3)	342
3	P. Pinang	13	4	587 (1)	1,339 (2)
4	Perak	51	46	1,226 (5)	912 (2)
5	Selangor	90	118	6,865 (11)	5,514 (5)
6	WPKL & Putrajaya	27	26	1,399 (3)	1,385 (1)
7	N. Sembilan	14	7	379 (1)	562 (2)
8	Melaka	6	4	366	290
9	Johor	33	24	1,211 (1)	1,205 (5)
10	Pahang	11	13	479 (1)	676 (1)
11	Terengganu	8	16	587	494 (1)
12	Kelantan	27	31	888	539 (1)
13	Sarawak	32	29	796	737
14	Sabah	12	10	385 (1)	312 (2)
15	WP Labuan	0	0	8	9
	MALAYSIA	344	338	15,950 (27)	14,396 (22)

Nota: () Kematian